

# Sasaran RM36b dari sektor pelancongan

UM 27 JUL 2002

**G**ENTING HIGHLANDS 26 Julai —

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan menasaskan pendapatan sebanyak RM36 bilion daripada sektor pelancongan tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, keyakinan itu berdasarkan kepada peningkatan kedatangan pelancong asing yang memberangsangkan sejak kebelakangan ini walaupun berlaku pengurangan pada awal tahun.

Katanya, peristiwa 11 September di Amerika Syarikat yang menimbulkan kesan negatif kepada sektor pelancongan dunia juga tidak menyekat peningkatan pelancong luar ke negara ini.

"Antara bulan Januari dan Februari, tidak ramai pelancong asing datang kerana bahang 11 September tahun lalu.

"Sekarang lebih sejuta pelancong asing datang ke sini setiap bulan." katanva selepas merasmikan pembukaan Hotel First World dan Plaza di sini hari ini.

Hotel First World dan Plaza akan menjadi hotel terbesar di dunia apabila pembinaan fasa kedua yang mengandungi lebih 6,000 bilik siap menjelang 2005.

Ketika ini, hotel berkenaan mempunyai 3,300 bilik dan menawarkan perkhidmatan 'hotel budget' sehingga minimum RM60 semalam.

Dalam sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut mengkritik media asing yang sering memberi laporan tidak benar dengan tujuan menjejaskan sektor pelancongan di negara ini.

Berikutan itu, tegas Dr. Mahathir, kerajaan tidak akan mengharapkan bantuan atau sokongan dari-

pada media asing untuk memberi promosi negara ini kepada dunia luar.

"Kita tidak bergantung kepada media asing sebab mereka tidak ada niat baik. Buat cerita bohong," tegasnya.

Sementara itu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, kira-kira 13 juta pelancong asing membelanjakan sebanyak RM36 bilion pada tahun lalu.

"Selepas peristiwa 11 September terdapat peningkatan kedatangan pelancong ke negara ini. Saya berharap semua yang terlibat dalam industri pelancongan berusaha untuk meningkatkan lagi kedatangan pelancong," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau sedar dirinya sentiasa menjadi bahan kritikan pihak media asing.

Bagaimanapun, beliau

tidak mempedulikan kritikan media asing itu asalkan pelancong tetap berkunjung ke negara ini.

Beliau juga meminta pihak swasta merebut peluang untuk memajukan industri pelancongan.

"Umpamanya pihak swasta boleh menjalankan pelbagai projek termasuk taman tema, perkampungan ala-Perancis atau Sepanyol dan binaan berbentuk zaman Greek untuk menarik pelancong.

"Semua pihak ada peluang untuk terlibat dalam sektor-sektor pelancongan yang beri pulangan lumayan kepada swasta dan negara sendiri," katanya.

Beliau turut menyelar sikap media tempatan yang gemar menyiarkan berita-berita yang boleh menyebabkan sektor pelancongan terjejas.

"Ada satu kes penyakit

meningitis jadi 'lead' dalam akhbar. Kita cuba mempromosikan negara, anda cuba hendak musnahkan," tegasnya.

Beliau menyeru rakyat supaya mencontohi usaha gigih Pengerusi Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Goh Tong yang berjaya

membina empayar perniagaan di atas Banjaran Titiwangsa itu.

Tanpa usaha gigih Goh Tong itu, katanya, Gen-

ting Highlands mungkin tidak dikenali oleh dunia.

"Malaysia juga berbangga memiliki hotel terbesar di dunia," tambahnya.